



KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA  
MALAYSIA

**SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 1 TAHUN 1986**

PINDAAN KEPADA PERENGGAN 12 (C) LAMPIRAN "A" KEPADA  
SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 8 TAHUN 1980  
MENGENAI PEMBAYARAN ELAUN PEMBANTU KHAS KEPADA  
JURUTRENGKAS-JURUTRENGKAS

**TUJUAN**

Tujuan Surat Pekeliling Perkhidmatan ini ialah untuk meminda syarat-syarat mengenai kelayakan Elaun Pembantu Khas bagi Jurutrenkas-jurutrenkas yang bertugas sepenuh masa sebagai Pembantu Khas kepada Pegawai-pegawai yang menyandang jawatan-jawatan Tingkatan Tertinggi "F" dan ke atas.

**KELAYAKAN ELAUN PEMBANTU KHAS**

2. Mengikut peruntukan 12 (C) Lampiran "A" kepada [Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 8 Tahun 1980](#), hanya Jurutrenkas yang telah disahkan dalam jawatan dan bekerja sebagai Pembantu Khas dengan sepenuh masa kepada seseorang pegawai yang menyandang jawatan Tingkatan Tertinggi "F" dan ke atas layak dibayar elaun Pembantu Khas. Walau bagaimanapun, dalam keadaan yang sebenarnya, telah didapati bahawa terdapat beberapa Jurutrenkas yang masih belum disahkan dalam jawatan, telah dikehendaki oleh Ketua Jabatan mereka bekerja sebagai Pembantu Khas dengan sepenuh masa dan dengan itu soal pembayaran elaun Pembantu Khas telah berbangkit. Dalam hubungan ini sukacita dimaklumkan bahawa Kerajaan telah memutuskan untuk

membenarkan Jurutrengkas yang masih belum disahkan dalam jawatan yang dikehendaki menjadi Pembantu Khas dengan sepenuh masa kepada pegawai yang menyandang jawatan Tingkatan Tertinggi "F" atau mempunyai kod gaji A9 dan ke atas dibayar elaun Pembantu Khas mengikut kadar-kadar yang telah ditetapkan, dengan syarat tidak terdapat Jurutrengkas lain yang telah disahkan dalam jawatan di Kementerian/Jabatan berkenaan.

3. Untuk melaksanakan keputusan di atas maka peruntukan 12 (C) Lampiran "A" kepada [Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 8 Tahun 1980](#) adalah dipinda dengan ditambahkan perenggan kecil berikut:-

- (iii) Sekiranya Jurutrengkas yang telah disahkan di dalam jawatan tidak ada sedangkan mengikut budibicara Ketua Jabatan setelah mengambil kira kepentingan perkhidmatan jabatannya pada keseluruhannya berpendapat bahawa seorang Pembantu Khas adalah diperlukan, maka Ketua Jabatan boleh mengarahkan Jurutrengkas yang belum disahkan itu menjalankan tugas Pembantu Khas sepenuh masa dan dibayar Elaun Pembantu Khas mengikut kadar di perenggan kecil (i) dan (ii) di atas"

4. Surat Pekeliling Perkhidmatan ini adalah berkuatkuasa mulai daripada tarikh Surat Pekeliling ini dikeluarkan.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

(ABDUL MALEK BIN ZAINUDDIN),  
Bahagian Gaji dan Elaun,  
b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,  
Malaysia

28hb April, 1986

Semua Ketua Setiausaha Kementerian.

Semua Ketua Jabatan Persekutuan.

Semua Y.B. Setiausaha-Setiausaha Kerajaan Negeri Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak.

Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Persekutuan, Cawangan Sabah.

Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Persekutuan, Cawangan Sarawak.

Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran.

Ketua Setiausaha Perbendaharaan Malaysia.

Ketua Audit Negara.

Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Keretapi.